

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENGENALAN**

Dalam bab kelima ini, penulis akan membuat kesimpulan atau dapatan kajian setelah kajian mengenai struktur al-Idafaṭ ini dijalankan. Selain itu, cadangan dan saranan juga akan dipaparkan agar ia dapat menjadi sesuatu yang dapat dipertimbangkan dan diberi perhatian untuk penyelidikan yang akan datang.

#### **5.1 DAPATAN KAJIAN**

Setelah kajian mengenai struktur al-Idafaṭ dalam bahasa Arab, al-Qur'an al-Karim, dan surah al-An'am dijalankan, penulis mendapatkan beberapa kesimpulan, iaitu seperti berikut :

1. Setelah mengkaji definisi al-Idafaṭ daripada berbagai-bagai pandangan nahuwan Arab, penulis mendapati bahawa definisi mengenai al-Idafaṭ perlu diperkembangkan lagi dengan memasukkan unsur-unsur mudaf ilayh yang juga terdiri daripada ayat namaan dan ayat kerjaan. Mengikut pandangan nahuwan Arab al-Idafaṭ merupakan hubungan gramatis antara dua kata nama. Padahal jika dikaji, struktur al-Idafaṭ tidak hanya melibatkan kata nama dengan kata nama sahaja. Ia juga melibatkan hubungan gramatis antara kata nama dengan ayat. Oleh itu penulis mencadangkan definisi yang lebih lengkap bahawa al-Idafaṭ adalah hubungan gramatis antara dua kata

nama atau antara kata nama dan ayat, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan yang mewajibkan kata nama kedua atau ayat tersebut digenitifkan.

2. Struktur al-Idafaṭ dalam bahasa Arab mempunyai struktur al-Idafaṭ yang sangat pelbagai bila ditinjau dari hukum-hukum dan bentuk-bentuknya.
3. Bila ditinjau dari aspek pembahagian al-Idafaṭ, struktur al-Idafaṭ al-Ma'nawiyat dalam surah al-An'am lebih banyak jumlahnya daripada struktur al-Idafaṭ al-Lafziyyat dengan perbezaan 87.56 %.
4. Bila ditinjau dari bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An'am, bentuk struktur al-Idafaṭ yang paling banyak jumlahnya adalah Idafaṭ Kata Nama Mubham (samar) sebanyak 26 contoh (37.68 %). Manakala struktur al-Idafaṭ yang paling sedikit jumlahnya adalah Idafaṭ Kuniyat, iaitu hanya satu contoh sahaja (1.45 %).
5. Bila dilihat dari aspek hukum-hukum dan bentuk-bentuknya, struktur al-Idafaṭ dalam bahasa Arab, al-Qur'an al-Karim dan surah al-An'am dapat diibaratkan seperti piramid. Struktur al-Idafaṭ bahasa Arab terletak di bahagian bawah, struktur al-Idafaṭ al-Qur'an al-Karim secara keseluruhan di bahagian tengah dan struktur al-Idafaṭ surah al-An'am di bahagian atas yang hukum-hukum dan bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭnya makin mengecil (sedikit jumlahnya).
6. Dalam al-Qur'an al-Karim ada satu contoh struktur al-Idafaṭ yang tidak dimiliki oleh struktur al-Idafaṭ dalam bahasa Arab, iaitu struktur Idafaṭ kata nama  $\text{لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ}$  kepada ayat. Mengikut kaedah tatabahasa Arab, kata nama  $\text{لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ}$  hanya dapat diidafaṭkan

kepada ayat kerjaan sahaja, tetapi kata nama إِذَا dalam al-Qur'an al-Karim dapat juga diidafatkan kepada ayat namaan. Oleh itu struktur al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim ini dapat dijadikan panduan untuk melengkapkan lagi kaedah struktur al-Idafat bahasa Arab yang sedia ada.

7. Satu lagi hukum al-Idafat bahasa Arab yang berbeza dengan struktur al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim secara keseluruhan dan surah al-An'am adalah dari aspek pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh. Bentuk pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh dalam bahasa Arab sangat pelbagai. Manakala bentuk pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh dalam al-Qur'an al-Karim secara keseluruhan dan surah al-An'am hanya ada satu bentuk sahaja, iaitu pemisahan oleh objeknya. Bentuk pemisahan ini adalah mengikut qira'at.

## 5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Akhirnya untuk melengkapkan kajian ini, penulis mencadangkan beberapa perkara untuk dipertimbangkan dan dijadikan kajian seterusnya agar kajian mengenai struktur al-Idafat tidak berhenti setakat ini sahaja. Beberapa perkara tersebut adalah :

1. Kajian mengenai struktur al-Idafat tidak hanya dapat dikaji dengan ilmu sintaksis sahaja. Ia dapat juga dikaji dari sudut ilmu qira'at. Terdapat perbezaan yang timbul dari aspek ilmu qira'at ketika membaca sesebuah ayat dalam al-Qur'an al-Karim yang mengandungi struktur al-Idafat. Sebahagian ahli qira'at membacanya dengan al-Idafat, manakala ahli qira'at lain membacanya tanpa al-Idafat.

2. Kajian mengenai struktur al-Idafaṭ juga dapat dikaji dari sudut ilmu Balaghah atau retorik. Setiap struktur al-Idafaṭ, khususnya dalam al-Qur'an al-Karim mempunyai maksud dari aspek retoriknya. Di antaranya adalah untuk menta'zimkan mudaf atau mudaf ilayh. Kajian ini sangat sesuai dijalankan bagi sesiapa yang tertarik dengan ilmu Balaghah dalam mengkaji gaya bahasa dalam al-Qur'an al-Karim.
  
3. Bidang ilmu yang juga dapat dijadikan kajian mengenai struktur al-Idafaṭ adalah ilmu morfologi, iaitu dari kategori kata yang membina sesebuah struktur al-Idafaṭ tersebut. Contohnya dalam struktur al-Idafaṭ كَاتِبُ الدَّرْسِ 'penulis pelajaran', kategori kata yang membina struktur al-Idafaṭ ini adalah kata nama pelaku dan masdar. Dengan mengumpulkan data sebanyak mungkin, kita dapat melihat kepelbagaian bentuk struktur al-Idafaṭ dari aspek kategori kata yang membinanya.

### 5.3 KESIMPULAN

Kajian mengenai struktur al-Idafaṭ yang telah dijalankan ini adalah salah satu kajian dalam bidang ilmu sintaksis atau nahu Arab. Dapatan kajian yang telah diperolehi dapat membuka minda kita bahawa al-Qur'an al-Karim sangat kaya dengan struktur al-Idafaṭ. Oleh itu kita diharapkan agar terus mengkaji ilmu-ilmu yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim. Manakala cadangan-cadangan yang telah dipaparkan di atas dapatlah hendaknya dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain selepas ini. Hal ini sangat berguna untuk memperbanyakkan lagi koleksi ilmu berkaitan struktur al-Idafaṭ, disamping mendekati diri kita kepada al-Qur'an al-Karim.

